

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

YMP 204 - Kewartawanan I

Masa: [3 jam]

Jawab Soalan 1 dan DUA (2) soalan lain.

1. Baca teks ucapan Y. Bhg. Datuk Haji Musa Mohamad, Naib Canselor, USM di Majlis Pembukaan Rasmi Unit Penyelidikan Pendidikan Asas di USM (sila lihat lampiran). Berdasarkan teks ucapan tersebut, tulis sebuah berita lengkap. Andaikan majlis perasmian tersebut diadakan pada hari ini dan anda menulis berita tersebut untuk sebuah akhbar nasional.

(40 markah)

2. Salah satu daripada pendekatan dalam persoalan pemilikan media ialah "Managerial Revolution Thesis" yang mengandaikan bahawa soal pemilikan media massa tidak penting dewasa ini. Nilai kekuatan dan kelemahan pendapat ini dan bincangkan tesis ini dalam konteks media massa di Malaysia.

(30 markah)

3. Menurut Dr. Mahathir (melalui teks ucapannya di World Press Convention dan rencananya dalam The New Straits Times, 1981) teori akhbar yang paling relevan di Malaysia ialah Teori Tanggungjawab Sosial. Apakah justifikasi yang diberi dalam mengamalkan sistem tersebut dan sejauh manakah amalan ini bersesuaian atau bercanggah dengan "kebebasan berakhbar"?

(30 markah)

...2/-

4. (i) Negara Dunia Ketiga mempunyai ciri-ciri tertentu yang memberitakan sesebuah berita itu "nilai". Bincangkan "nilai" tersebut.
- (ii) Apakah yang dimaksudkan dengan "kewartawanan pembangunan". Bincangkan konsep ini dalam konteks kewartawanan di Malaysia.

(30 markah)

5. "Two guard rails keep Malaysia's press on the straight and narrow. First is a set of laws and the second is self-censorship" (Far Eastern Economic Review, 28 Feb 1985).

Terjemahan: "Dua landasan kawalan memastikan akhbar di Malaysia tidak melencong. Yang pertama ialah undang-undang dan yang kedua ialah penapisan sendiri"

Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan di atas. Bincangkan dengan ringkas undang-undang yang dimaksudkan itu.

(30 markah)

-oooOooo-

UCAPAN Y.BHG. DATUK HAJI MUSA MOHAMAD, NAIB CANSOLOR, USM DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI UNIT PENYELIDIKAN PENDIDIKAN ASAS, BERTEMPAT DI BANGUNAN 328A, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya bersyukur ke Hadrat Ilahi, kerana dengan limpah rahmatNya kita dapat bersama-sama pada hari ini di majlis yang bersejarah ini untuk menyaksikan penubuhan Unit Penyelidikan Pendidikan Asas atau UPPA.

Sesungguhnya, semua universiti di Malaysia terlibat dalam penyelidikan pendidikan. Walau bagaimanapun, universiti-universiti yang lain lebih mementingkan penyelidikan pada peringkat sekolah menengah berbanding dengan sekolah rendah. Memandangkan kepada kenyataan bahawa sebahagian besar daripada pembelajaran berlaku pada peringkat awal perkembangan kanak-kanak, ini bererti satu jurang yang besar wujud dalam penyelidikan di Malaysia. Dalam latarbelakang ketidakseimbangan ini, USM merupakan universiti tunggal di negara kita yang menjalankan penyelidikan secara besar-besaran dalam pendidikan asas.

Sungguhpun USM melalui Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan Projek INSPIRE telah mencapai kejayaan-kejayaan yang dibanggakan dalam menjalankan projek-projek seperti Projek Penyelidikan dan Penilaian KBSR dan Projek Perkembangan Bahan-Bahan Pengayaan dan Pemulihan untuk KBSR, tetapi kegiatan-kegiatan penyelidikan yang terlibat telah diuruskan dan dijalankan secara ad hoc.

Oleh yang demikian, penubuhan satu unit penyelidikan yang kekal adalah amat perlu bagi mengendalikan penyelidikan pendidikan asas secara lebih tersusun dan formal. Di samping itu, skop aktiviti-aktiviti UPPA akan diperluaskan. UPPA bukan sahaja akan menjalankan projek-projek penyelidikan secara permintaan tetapi ia juga akan merintis projek-projek penyelidikannya sendiri. Dengan diberi taraf yang tetap, UPPA akan mencapai identiti sebagai satu institusi formal yang menumpukan perhatian kepada isu-isu dan masalah-masalah yang berhubungan dengan pendidikan asas. Saya percaya bahawa ini akan memberi dorongan kepada tenaga penyelidik dari Pusat Penyelidikan Ilmu Pendidikan dan UPPA untuk lebih berusaha bagi meneruskan kepimpinan Universiti Sains Malaysia dalam bidang penyelidikan pendidikan asas.

...2/-

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya berpendapat bahawa penubuhan UPPA berlaku pada ketika yang amat baik. Seperti yang saya telah sebut dalam majlis pembukaan rasmi Pusat Pengajian Pengurusan pada lhb. Disember 1989 yang lalu, Universiti Sains Malaysia, sebagai sebuah universiti yang telah mencapai kematangan, kini dalam proses memasuki suatu era baru di mana penekanannya berubah daripada memperkembangkan peluang tempat pada peringkat ijazah pertama kepada penerokaan ilmu-ilmu baru pada peringkat yang lebih tinggi disertai pula dengan kesediaan berkhidmat secara terus kepada masyarakat.

Secara khusus, tumpuan USM dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah untuk memperluaskan penawaran kursus pada peringkat sarjana dan kedoktoran, menubuhkan unit-unit penyelidikan secara kelompok, meningkatkan perkhidmatan perundingannya serta mempergiatkan usahanya untuk menawarkan kursus-kursus pendek dalam bentuk pendidikan berterusan dan pendidikan lanjutan.

UPPA, bukan sahaja ditubuhkan pada ketika yang sesuai dari segi konteks nasional, tetapi juga konteks antarabangsa. Sebabnya ialah arah penyelidikan pendidikan antarabangsa telah bertukar dari menitikberatkan perkembangan persekolahan pada peringkat menengah dan ke atas kepada menghadapi masalah-masalah yang berkaitan dengan kualiti pendidikan asas yang rendah. Baru-baru ini, keadaan pendidikan asas di beberapa negara membangun telah mula merosot disebabkan oleh kemerosotan ekonomi.

Mengikut kertas maklumat 'World Conference on Education For All - Meeting Basic Learning Needs' yang akan diadakan di Bangkok pada 5-9 Mac 1990, bilangan orang yang buta huruf pada tahun 1989 telah mengjangkau seribu juta dan akan meningkat lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Seterusnya, adalah dijangka bahawa bilangan kanak-kanak yang tidak berpeluang mendapat persekolahan rendah telah meningkat ke 100 juta orang dan akan terus bertambah pada masa yang akan datang. Kesan daripada pendidikan asas yang bermutu rendah ialah ia menghasilkan tenaga manusia yang kurang cekap dalam kemahiran-kemahiran asas dan ini telah menjejaskan perkembangan ekonomi bagi kebanyakan negara membangun.

Dalam suasana kegentingan ini, agensi-agensi antarabangsa yang membiayai penyelidikan pendidikan, seperti UNESCO, UNICEF, UNDP, IDRC dan Bank Dunia, telah mula melancarkan secara bersama satu inisiatif sedunia untuk mengenalpasti masalah-masalah yang berkaitan dengan memenuhi keperluan pendidikan asas bagi kanak-kanak dan orang dewasa serta mencari penyelesaian yang realistik untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti pendidikan bagi peringkat awal persekolahan.

...3/-

Saya yakin bahawa UPPA akan memainkan peranan yang penting sebagai salah satu daripada perintis dalam era baru perkembangan USM dalam masa 5 tahun yang akan datang. Saya percaya UPPA, dengan bimbingan daripada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, mempunyai kebolehan menyahut seruan negara dan antarabangsa untuk memainkan peranan yang sepenuh-penuhnya dalam kegiatan penyelidikan pendidikan asas.

Asas bagi keyakinan saya dalam perkara ini ialah para penyelidik Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan Projek INSPIRE yang terlibat dengan berbagai-bagai projek penyelidikan dan perkembangan bahan-bahan kurikulum untuk sekolah rendah sejak tahun 1977 akan terus memberi sumbangan yang sepenuhnya. Tambahan lagi, UPPA akan mewarisi bukan sahaja kepakaran dan infrastruktur yang sedia ada dari Projek INSPIRE tetapi juga reputasinya sebagai salah satu badan penyelidikan yang terkemuka dalam pendidikan asas di rantau Asia Tenggara.

Daripada pengalaman yang diperolehi semasa penglibatan dalam berbagai projek penyelidikan pendidikan asas, para penyelidik dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan UPPA telah mencapai kepakaran yang berkaitan dengan perkembangan strategi-strategi dan bahan-bahan pengajaran, penyelidikan tulen dan gunaan, penilaian secara penciptaan alat-alat pengukuran atribut kognitif dan afektif kanak-kanak Malaysia. Selain daripada kegiatan-kegiatan ini, UPPA juga berupaya memainkan peranan yang penting sebagai pusat-pusat latihan dan sumber bagi pelajar-pelajar yang mengikuti program Sarjana Muda Pendidikan. Akhirnya, dengan pengalamannya yang luas, UPPA sedia berfungsi sebagai penggerak dan perunding kepada badan-badan swasta dan lain-lain badan di Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan lagi kegiatan-kegiatan penyelidikan yang berguna.

Dengan hakikat sebegini, maka UPPA dalam masa 5 tahun yang akan datang telah merancang beberapa projek penyelidik, penilaian dan perkembangan bahan-bahan kurikulum. Di antara projek-projek yang dirancang termasuk Projek Inspire Sabah Fasa 3 yang bertujuan untuk mencipta bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran bagi matapelajaran Alam dan Manusia, Projek Mengkaji Semula Masalah Keciciran dari segi faktor-faktor sekolah dan perkembangan sosio-psikologi murid-murid, Projek Iklim Sekolah yang mengkaji kesan iklim sekolah terhadap pencapaian dan tingkahlaku murid-murid, Projek Bank Soalan yang bertujuan menggubal dan membekalkan soalan-soalan yang sah untuk kegunaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah dan Projek Pasukan Penunjuk Cara yang akan melatih kakitangan penting dan guru-guru dalam

...4/-

penggunaan bahan-bahan pengajaran pemulihan dan pengayaan secara berkesan. Selain daripada projek-projek tersebut, UPPA sedia menjalankan projek-projek dalam pendidikan asas atas permintaan badan-badan luar seperti Yayasan-yasasan negeri, Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi antarabangsa.

Untuk menunaikan hasrat-hasrat USM yang telah diumumkan, kita sama-sama berdoa agar UPPA akan muncul sebagai sebuah pusat kecemerlangan dalam penyelidikan pendidikan asas dan akan mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan. Saya harap bahawa pusat-pusat pengajian yang lain akan mencontohi usaha-usaha yang telah dibuat oleh Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan mengatur langkah untuk memperbanyakkan lagi unit-unit penyelidikan bagi meningkatkan lagi sumbangan mereka kepada perkembangan ilmu dan perkhidmatan kepada negara.

Dengan kata-kata itu, dengan lafaz Bismillah Hirrahmanirrahim, saya merasmikan penubuhan Unit Penyelidikan Pendidikan Asas. Semoga Allah s.w.t. memberi petunjuk dan hidayah kepada kita semua.

-oooOooo-